

Budaya Sukan di Malaysia: Dimanakah Kita?

Oleh : Mastura Mohamad

Menjelang tahun 2020, seramai 50% rakyat Malaysia telah disasarkan menjadikan aktiviti fizikal dan sukan sebagai sebahagian daripada kehidupan (Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11)). Sasaran ini ditetapkan untuk memastikan rakyat Malaysia cergas, sihat di samping menasaskan Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan. Negara maju seperti England juga telah menasaskan setengah juta warganegara mereka aktif melakukan aktiviti sukan dan fizikal menjelang tahun 2020. Telah terbukti dengan menjadikan gaya hidup aktif sebagai amalan akan memberi pelbagai impak positif dalam kehidupan.

Usaha membudayakan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia telah di perhebatkan melalui pelbagai pendekatan daripada pihak kerajaan, agensi, syarikat korporat, swasta, pihak NGO mahupun individu. Ini dapat dilihat melalui inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam melaksanakan pelbagai program berkaitan seperti FitMalaysia, Hari Sukan Negara (HSN) dan Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS). Usaha yang komited ini merupakan teras utama untuk menggalakkan pembudayaan sukan dalam kalangan rakyat dan menarik minat mereka untuk melakukan aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan ke arah amalan gaya hidup sihat. Ini selaras dengan objektif strategik yang digariskan di bawah Pelan Strategik KBS 2016-2020 dan Dasar Sukan Negara 2009.

Telah terbukti melalui kajian-kajian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa sukan membawa impak positif dalam kehidupan. Di peringkat masyarakat, sukan mampu menyumbang kepada peningkatan jalinan perhubungan di antara pelbagai kaum; peningkatan tahap kesihatan komuniti dan produktiviti; dan peningkatan semangat kesukarelaan, penyertaan, kerjasama dan sokongan. Manakala di peringkat antarabangsa, sukan dapat menyumbang kepada pemupukan jalinan dan kerjasama antarabangsa; peningkatan ketahanan dan daya saing; dan peningkatan kecemerlangan dan imej negara (DSN 2009).

Berdasarkan kajian diperingkat antarabangsa seperti England dan Singapura, penglibatan rakyat negara tersebut dalam sukan diukur berdasarkan penglibatan dalam aktiviti fizikal, sukan dan rekreasi. Pada tahun 2015, misalnya Singapura telah membangunkan *Sport Index Participation Trends* yang melaporkan seramai 62% rakyatnya terlibat dalam aktiviti sukan dalam tempoh satu bulan. Manakala kajian IYRES pada tahun 2017 menunjukkan seramai 59.8% rakyat terlibat dalam aktiviti seperti sukan, senaman atau rekreasi aktif.

Walau bagaimanapun, berdasarkan dokumen RMK-11 dan Pelan Strategik KBS 2016-2020, penglibatan rakyat Malaysia yang disasarkan adalah berkaitan dengan budaya sukan. Sehubungan itu, bagi mengetahui sejauh mana budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia, IYRES telah melaksanakan Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 bagi menentukan di manakah tahap amalan budaya sukan rakyat Malaysia serta adakah sasaran yang dibuat berjaya dicapai. Selaras dengan

pelaksanaan kajian ini, budaya sukan telah ditakrifkan sebagai keterlibatan dalam aktiviti sukan, senaman atau rekreasi aktif serta wujudnya ekosistem budaya bersukan ke arah negara bersukan.

Untuk itu, Indeks Budaya Sukan Malaysia dibangunkan sebagai satu *tools* bagi memantau tahap dan trend budaya sukan di Malaysia dalam satu jangka masa panjang dan menjadi penanda aras dalam mengukur pencapaian budaya sukan rakyat Malaysia. Indeks yang pertama kali dibangunkan ini akan dijadikan indeks tahun asas untuk dibandingkan dengan indeks semasa pada tahun yang akan datang. Domain dan indikator yang digunakan dalam indeks ini telah dipilih bagi memberi gambaran yang menyeluruh mengenai budaya sukan di Malaysia. Terdapat 5 domain dan 8 indikator yang digunakan di dalam indeks ini iaitu:



Rajah 1: 5 Domain dan 8 Indikator Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Berdasarkan analisa yang dilaksanakan di dapati Indeks Budaya Sukan Malaysia di Tahap Sederhana dengan skor 53.1%. Jika dilihat skor mengikut domain di dapati bahawa Domain Penglibatan berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 62.5. Domain ini penyumbang terbesar kepada peratus Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018. Manakala domain-domain lain yang merupakan ekosistem yang menyumbang kepada peratus Budaya Sukan semuanya berada pada tahap Rendah.

Hasil dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa indeks ini amat penting untuk dibangunkan pada tahun-tahun akan datang agar ia dapat mengukur sejauhmana tahap budaya sukan serta peratus membudayakan sukan dalam kalangan rakyat dan pemantauan berkala boleh dilaksanakan. Ini adalah selaras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan menjelang tahun 2020 dan mewujudkan masyarakat cergas juga sihat.

Belia Malaysia Mendepani Perubahan Global



Ledakan teknologi yang pantas merupakan antara petanda kepada evolusi kehidupan dan belia dilihat sebagai golongan yang paling mudah beradaptasi dengan perubahan-perubahan baru yang pelbagai. Golongan belia ini merupakan kelompok pengguna teknologi yang paling ramai dan telah menyebabkan trend gaya hidup golongan belia kini jauh berbeza jika dibandingkan dengan sebelum ini. Jadi tidak hairanlah:

“Kerajaan secara berterusan komited dalam melaksanakan pelbagai dasar bagi memastikan potensi dan keupayaan generasi pelapis ini dioptimumkan sebaik mungkin agar selari dengan sumbangan dan peranan belia dalam menentukan arah tuju politik, ekonomi, sosial dan teknologi negara pada masa hadapan” (Dasar Belia Malaysia, m.s 18).

IYRES melihat perubahan teknologi dan trend gaya hidup belia ini sebagai sesuatu yang baik namun pemerksaan sahsiah dan personaliti belia perlu diselarikan dengan trend kehidupan belia semasa agar peranan mereka dapat diserlahkan secara holistik sebagai pemimpin pelapis masa hadapan. Kerakusan golongan belia menggarap trend kehidupan moden perlu diseimbangkan supaya mereka mampu mendepani cabaran agenda sosial ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Lantaran itu, melalui Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2018 (YOURS'18), IYRES telah mengenengahkan tema “Mendepani Cabaran Agenda Sosial Ke Arah Kesejahteraan Belia”. Sebanyak 40 hasil kajian telah dibentangkan dan telah mengupas isu-isu belia daripada konteks sosial yang pelbagai. Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2017 pula menunjukkan belia secara purata menghabiskan masa selama tujuh hingga lapan jam sehari menggunakan telefon bimbit, manakala enam hingga tujuh jam bagi melayari internet. Trend ini menunjukkan bahawa belia Malaysia telah cenderung kepada ketagihan skrin kerana penggunaan yang melebihi daripada tempoh empat jam

dikategorikan sebagai ketagihan. Ketagihan ini terutamanya ketagihan media sosial boleh menjejaskan rutin harian yang sihat dan mampu mempengaruhi karakter belia. Penggunaan internet dan telefon bimbit yang melebihi waktu optimum dibimbangi mengundang ketagihan yang dikaitkan dengan penyakit seperti kemurungan, insomnia serta gangguan pemakanan yang secara tidak langsung menjejaskan fungsi serta tingkah laku seseorang. Selain daripada itu, adalah didapati juga bahawa belia yang terlalu taksub menggunakan media sosial dilihat mempunyai kurang interaksi fizikal bersama persekitarannya yang boleh membawa kepada kurang belas ihsan.

IYRES akan terus meneroka dan cuba memahami senario kehidupan belia kini dan masa hadapan. Untuk itu, Penilaian *Outcome* Indeks Belia Malaysia 2019 sedang dilaksanakan beserta kajian-kajian lain seperti Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Sektor Ekonomi, Kajian Aset Belia, Indeks Budaya Sukan Malaysia, mewujudkan Data Raya Belia (*Youth Big Data*) serta lain-lain kajian berkaitan pembangunan belia dan sukan. IYRES beraspirasi agar dapat terus memberi sumbangan signifikan dalam penyelidikan pembangunan belia dan sukan Malaysia sekaligus membantu menyediakan input berkualiti kepada pemegang taruh sebagai rujukan dalam merangka polisi-polisi yang berkaitan.

IYRES akan terus mengorak langkah dalam meneroka pelbagai kajian berkaitan pembangunan belia dan sukan agar lebih relevan kepada golongan sasaran, pemegang taruh dan masyarakat. Selamat membaca Buletin Fakta dan semoga bermanfaat untuk semua!

<p>SIDANG REDAKSI BULETIN FAKTA</p> <p>KETUA PENGARANG Dr. Zainah Shariff</p> <p>PENOLONG KETUA PENGARANG Ts. Syariffanor Hisham</p>	<p>KETUA EDITOR Shariffah Mamat</p> <p>EDITOR Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor</p> <p>SIDANG PENGARANG Mastura Mohamad Shahhanim Yahya</p>	<p>Mohd Rizal Mohd Sham Nuurul Mizaan Ya'cob Noor Afifah Johari Norhidayah Omar Siti Nur Hidayah Ismail Shah Romnizam Ramli Siti Shazwani Md Yusooif Rozahidah Roslee</p>
---	---	---

SUDUT KOLABORASI INFORMASI : IYRES x CFM - PART 1

PANGGILAN PALSU & BAGAIMANA UNTUK MENGHADAPI MEREKA

Oleh Ahmad Izham Khairuddin, Pengarah Forum Pengguna Komunikasi & Multimedia Malaysia (CFM)

Anda berhak berasa curiga sekiranya...

MEMINTA DATA PERIBADI ANDA SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN/NOMBOR KAD KREDIT UNTUK MENGESAHKAN IDENTITI ANDA.

MENGARAHKAN ANDA UNTUK MENGHUBUNGI MEREKA SEMULA KE NOMBOR YANG BERLAINAN & BUKANNYA NOMBOR YANG TERPAJAR DI ID PEMANGGIL.

MEMAKLUMKAN KONONNYA ANDA MEMENANGI HADIAH/PERTANDINGAN /BARANG BERHARGA TETAPI PERLU MEMBERIKAN MAKLUMAT AKAUN BANK/MEBUAT BAYARAN UNTUK PROSES TUNTUTAN.

Program Merentas Agensi Pelaksana Diselaraskan Melalui e-MYInd

SEBARAN MAKLUMAT



Oleh : Mohd Rizal Mohd Sham & Noor Afifah Johari

Apakah yang dimaksudkan dengan e-MYInd? Kepada siapakah ianya dapat dimanfaatkan? Sehingga ke peringkat manakah ianya dapat membantu agensi dalam memantau pelaksanaan program?

Electronic Malaysian Youth Index atau dikenali sebagai e-MYInd dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sebagai inisiatif untuk menyelaraskan maklumat-maklumat program merentas agensi pelaksana pembangunan belia di Malaysia melalui "Integrated Approach" secara atas talian.

Siapakah yang dimaksudkan dengan Agensi Pelaksana?

Agensi Pelaksana adalah Kementerian/ Agensi/ Jabatan/ Ahli Korporat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang terdiri daripada sepuluh kumpulan pelaksana/ pemegang taruh ke atas pembangunan

belia seperti mana yang terkandung dalam Dasar Belia Malaysia 2015 (DBM'15). Melalui e-MYInd, proses penyediaan input bagi pembentukan dasar, pembangunan sumber manusia dan peruntukan kewangan kepada pembangunan belia menjadi lebih mudah dan holistik. Ini adalah kerana, e-MYInd berfungsi sebagai:

Bagaimana e-MYInd boleh digunakan oleh Agensi Pelaksana?

Bermula tahun 2016, IYRES telah melaksanakan *Technical Working Group* (TWG) #MYindexbelia yang melibatkan Agensi Pelaksana bagi memantau, membincang dan menyelaraskan program-program pembangunan belia yang secara tidak langsung menjadi mekanisme dalam mengukur tahap kualiti kesejahteraan hidup belia di Malaysia.

Selaraskan dengan itu, keahlian TWG #MYindexbelia tersebut telah dilantik sebagai ahli *Focal Point* tetap bagi program TWG yang diadakan secara tahunan oleh IYRES dan sekaligus melayakkan *Focal Point* ini untuk mengakses dan menggunakan e-MYInd. Sehingga 16 April 2018, seramai 71 daripada 117 *Focal Point* telah mendaftar sebagai pengguna e-MYInd yang boleh di capai melalui <http://emyind.iyres.gov.my>.

Pelbagai usaha dan inisiatif diwujudkan bagi melancarkan aktiviti-aktiviti pembangunan belia. Dengan adanya kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, penyelarasan maklumat program melalui e-MYInd dapat dijayakan dan dimanfaatkan bersama untuk masa depan belia Malaysia.



Merekodkan dan mengemaskini maklumat pembangunan belia di peringkat kementerian / jabatan / Agensi / NGO's.

Menyediakan satu pangkalan data yang berpusat bagi memantau program-program pembangunan belia.

Mengenalpasti "focus area" pembangunan belia yang dilaksanakan secara merentas pelaksana serta input kepada pembentukan / penambahbaikan kepada polisi / dasar dan perancangan program pembangunan belia.

Melaporkan jumlah program pembangunan belia di peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi / NGO's yang menyumbang kepada 12 domain dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia.

KATALOG BUKU

Oleh : Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor



FACTS & FIGURES #MYINDEXBELIA

ISBN 978 967 16147 0 9
Halaman : 100 muka surat
Diterbitkan pada : 2018
Harga : RM 30



PEMBANGUNAN BELIA POSITIF (8C) DI MALAYSIA

ISBN 978 967 16147 1 6
Halaman : 60 muka surat
Diterbitkan pada : 2018
Harga : RM 30



2018 YOURS

SEMINAR PENYELIDIKAN BELIA KEBANGSAAN

RUMUSAN SIDANG YOURS'18:

Mendepani Cabaran Agenda Sosial ke Arah Kesejahteraan Belia

Oleh : Shariffah Mamat

Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2018 (YOURS'18) anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah diadakan pada 12-13 November 2018 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Seminar dua hari ini berlangsung dengan pembabitan 45 artikel penyelidikan dan seramai 172 orang peserta. Para pembentang dan peserta seminar ini terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dari agensi kerajaan dan pelajar siswazah daripada pelbagai bidang. Seminar ini telah mengetengahkan enam sub tema iaitu Gejala Sosial Tradisional; Ketagihan Skrin; Kesihatan Mental; Gaya Hidup Sedentari, Kurang Belas Ihsan dan Lain-lain Isu Pembangunan Belia.

Rumusan input-input hasil pembentangan artikel penyelidikan yang diperoleh sewaktu penganjuran seminar ini adalah sebagaimana berikut:-

1. Gejala Sosial Tradisional

- Kefahaman tentang rasuah dalam kalangan belia perlu dipertingkatkan;
- Pemantapan kawalan diri melalui institusi kekeluargaan, pendidikan dan persekitaran positif;
- Capaian dan sebaran maklumat tentang gejala sosial menerusi media digital adalah lebih berkesan kepada golongan belia.

2. Gaya Hidup Sedentari

- Intervensi gaya hidup sedentari perlu bermula di peringkat sekolah rendah yang melibatkan peranan guru dan ibu bapa;
- Aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan belia dapat membendung gaya hidup sedentari dan menggalakkan pembentukan karekter belia positif (8C);
- Menggalakkan pembangunan bakat dalam kalangan belia dan tidak tertumpu kepada bidang akademik sahaja.

3. Ketagihan Skrin

- Golongan belia perlu diberi pendedahan dan ilmu tentang capaian maklumat bagi membendung ancaman digital;
- Isu ketagihan skrin akan membuka lebih banyak peluang kepada penyelidik daripada pelbagai bidang untuk meneroka penyelidikan baru;
- Implikasi ketagihan skrin kepada kesihatan individu dalam jangka masa panjang memerlukan lebih banyak kajian empirikal.

4. Kesihatan Mental

- Kefahaman tentang kesihatan mental dalam kalangan belia perlu ditingkatkan dengan kerjasama antara institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat;
- Kesedaran dan pengetahuan bagi menangani depresi dalam kalangan belia perlu ditingkatkan melalui institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat;



2018 YOURS

SEMINAR PENYELIDIKAN BELIA KEBANGSAAN

- Kesihatan mental perlu ditangani secara bersama.

5. Kurang Belas Ihsan

- Artikel penyelidikan bagi subtema ini tidak diterima oleh pihak penganjur untuk dibentangkan dalam YOURS'18.
- Hal demikian berlaku berkemungkinan kajian-kajian yang dilaksanakan tidak terlalu menjurus kepada isu berkaitan secara jelas namun isu ini turut dibincangkan secara tidak langsung di dalam tema Gejala Sosial Tradisional.

6. Lain-lain Isu Pembangunan Belia (Hubungan Sosial)

- Pengukuhan institusi kekeluargaan menerusi komunikasi efektif di antara belia dan keluarga;
- Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pembangunan belia secara positif;
- Pemantapan hubungan sosial belia melalui aktiviti sukan.

7. Lain-lain Isu Pembangunan Belia (Pembangunan Belia Positif)

- Pembentukan tingkah laku dan personaliti diri melalui persekitaran sosial;
- Sinergi dalam ekosistem pembangunan belia;
- Mengaplikasikan konsep pembangunan belia positif di Malaysia secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, seminar ini menunjukkan bahawa teknologi digital merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian terutamanya dalam isu sosial. Perkara ini tidak boleh dipandang enteng dan perlu diambil serius dalam memastikan masa depan generasi muda dapat dibangunkan secara positif.

Jumpa lagi di YOURS'19!!!



Indeks Kualiti & Kesejahteraan Belia Peringkat Negeri

Oleh : Shah Romnizam Ramli



Melahirkan belia Malaysia yang mempunyai karakter yang holistik dapat dicapai sekiranya pemantauan secara berterusan dilaksanakan berpandukan pelaporan Indeks Belia Negeri. Pelaksanaan penilaian *outcome* dapat menjadi kayu pengukur sama ada program-program yang dilaksanakan menepati keperluan kumpulan sasaran berdasarkan peningkatan mahupun penurunan skor pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia setiap tahun.

Selain itu, pelaporan Indeks Belia Negeri juga boleh dijadikan input dalam memastikan Pelan Tindakan Pembangunan Belia di peringkat negeri digerakkan sekaligus menjadi pemangkin dalam memenuhi ketetapan Dasar Belia Malaysia. Sehingga 2018, tiga buah negeri telah menghasilkan Indeks Kualiti dan Kesejahteraan Belia Peringkat negeri masing-masing iaitu Sabah (Indeks Belia Sabah 2015), Johor (Indeks Belia Johor 2016) dan Sarawak (Indeks Belia Sarawak 2018).

Berikut merupakan jangkaan *outcome* penghasilan pelaporan Indeks Belia Negeri yang akhirnya akan membawa kepada lahirnya sebuah generasi muda yang berpotensi tinggi sesuai dengan pembangunan strategik negara pada masa hadapan.

FACT SHEET

Indeks Kualiti & Kesejahteraan Belia Peringkat Negeri



PELAPORAN INDEKS BELIA NEGERI (IBN)

Mewujudkan "Technical Working Group (TWG)" melalui pendekatan bersepadu (*Integrated Approach*) melibatkan pemegang taruh belia seperti inter-agensi, Jabatan, NGO's, Pemimpin belia, pemimpin komuniti, Persatuan Belia dan lain-lain di peringkat negeri.

Penetapan Skor Pencapaian Tahap Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Belia di peringkat negeri

Penilaian "Outcome" Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Belia negeri

Pemantauan Kualiti dan Kesejahteraan hidup belia negeri melibatkan pelbagai lapisan peringkat sosial mencakupi Negeri, Daerah dan Lokaliti (Bandar dan Luar bandar)

Merencana dan melaksanakan Pembangunan Belia yang lebih komprehensif dan berfokus kepada kumpulan sasaran (*In-situ Approach*) melibatkan pelbagai lapisan peringkat sosial mencakupi Negeri, Daerah dan Lokaliti (Bandar dan Luar bandar)

Memperkuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia di peringkat negeri sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM)

Sistem e-MYInd Memantau program pembangunan belia secara bersepadu

Input dalam Membangunkan Dasar Belia Negeri

Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri